

MBM cetak 5 juta poskad gambar PM

UM 18 OCT 2003

SHAH ALAM 17 Okt. — Majlis Belia Malaysia (MBM) akan mencetak lima juta poskad yang mengandungi gambar-gambar Perdana Menteri dan kejayaan-kejayaan negara selama 22 tahun di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Presiden MBM, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo berkata, poskad berkenaan akan diedarkan ke seluruh negara melalui pejabat-pejabat pos dan ia juga akan dihantar ke sekolah-sekolah, pusat-pusat pengajian tinggi serta kompleks membeli-belah.

“Pada bahagian belakang poskad berkenaan akan ditulis dengan ucapan ‘Terima Kasih PM’ sebagai tanda terima kasih generasi muda Malaysia kepada Dr. Mahathir.

“Poskad sempena Program Terima Kasih PM ini akan diedarkan pada 29 Oktober ini iaitu sehari sebelum Dr. Mahathir meletakkan jawatannya dan akan berakhir pada 30 November ini,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas majlis penghargaan sukarelawan MBM di kediaman rasminya di sini hari ini.

Dalam pada itu, Menteri Besar Selangor berkata, MBM telah menyampaikan cek bantuan pentadbiran sebanyak RM260,000 kepada badan-badan gabungan MBM dan majlis-majlis belia negeri.

Katanya, setiap majlis belia negeri akan menerima bantuan sebanyak RM10,000 manakala badan-badan gabungan lain menerima sebanyak RM5,000.

“Ia untuk meringankan beban setiap badan gabungan MBM membayar gaji pekerja-pekerja mereka walaupun sebelum ini mereka telah menerima bantuan daripada Kementerian Belia dan Sukan,” katanya.